

Tiada sijil halal, tidak berdaftar JAINJ



Gambar daripada rakaman video pekerja pusat penyembelihan ayam di Pontian yang tular di media sosial. Foto Ihsan Pembaca

Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

JABATAN Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) sahkan pusat sembelihan ayam di Pontian yang video penyembelihan haiwan itu tular kerana didakwa dilakukan dengan cara meragukan memang tidak mempunyai sijil halal.

Siasatan jabatan itu juga mendapati pusat penyembelihan terbabit tidak berdaftar dengan pihaknya.

Jurucakap JAINJ ketika dihubungi berkata, bertindak atas aduan orang ramai sepasukan pegawainya ke lokasi untuk melakukan pemeriksaan di pusat sembelihan terbabit.

"Kami dapati pusat berkenaan tidak mempunyai sijil halal dan mereka mendakwa hanya menghantar ayam ke kedai yang tidak menjual daging ayam halal.

"Berikutan itu, kami menyerahkan kes ini kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi di Johor Bahru hari ini.

Terdahulu, tular satu rakaman video berdurasi 46 saat dipercayai dilakukan seminggu lalu yang menunjukkan

pekerja premis di Pontian itu menyembelih ayam dalam keadaan kurang sempurna serta diragui.

Pemerhatian terhadap video dikongsikan itu mendapati pekerja dipercayai warga asing itu sedang menyembelih ayam menggunakan sebilah sebilah pisau.

Proses sembelihan mengambil masa kira-kira empat saat untuk seekor ayam sebelum haiwan itu dicampakkan di kawasan berkenaan.

Ada warganet yang mempertikaikan kaedah penyembelihan itu dengan mendakwa ia adalah bukan satu sembelihan tetapi membunuh haiwan itu.

Artikel ini disiarkan pada : Ahad, 8 September 2019 @ 7:58 PM